

# JAUHI PENGARUH MILITAN IS DARI AWAL



**NOOR MOHAMAD SHAKIL**

**P**ENDEDAHAN bahawa wujud dua kem kumpulan militan Negara Islam (IS) yang bertindak merekrut kanak-kanak di Syria khusus untuk warga Asia Tenggara termasuk Malaysia dan Indonesia di samping sebuah lagi untuk warga Kazakhstan wajar membuka mata semua pihak. Sesungguhnya pendedahan ini wajar merisaukan dan menakutkan masyarakat kita secara keseluruhannya yang selama ini masih bersikap acuh tak acuh dengan ancaman kumpulan militan IS ini.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian *Counter Terrorism*, Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, kanak-kanak seawal usia dua tahun telah dibawa ke kem-kem tersebut yang dilaporkan beroperasi sejak dua tiga tahun yang lepas untuk dilatih sebagai kumpulan pelapis. Kanak-kanak ini dimaklumkan sudah mula diberi pendedahan tentang asas penggunaan senjata serta doktrin kumpulan militan berkenaan. Kelompok kanak-kanak yang dikatakan anak anggota IS sendiri dilatih sejak mereka mula berjalan untuk cekap menggunakan senjata bagi mempertahankan diri.

Walaupun mungkin bukan pelik mahupun mustahil bagi kumpulan ini namun bagi kita di Malaysia, pendedahan ini cukup mengejutkan. Tidak mampu kita bayangkan betapa anak-anak yang berusia semuda dua tahun boleh terbabit dalam latihan ketenteraan.

Walaupun Ayob Khan agak yakin kumpulan ini mungkin sukar untuk mewujudkan kem seumpama itu di negara ini namun kita tidak boleh leka. Kalau dulu kumpulan IS ini agak asing buat kita namun hari ini pihak polis secara berterusan mengesan dan menangkap rakyat kita yang cenderung kepada kumpulan militan terbabit. Ini membuktikan tiada apa yang mustahil. Apa yang pasti kita tidak mahu tunggu sehingga nasi menjadi bubur untuk bertindak menangani ancaman kumpulan militan ini.

Buat masa sekarang negara kita masih boleh dikategorikan selamat daripada ancaman IS bahkan penglibatan rakyat kita juga agak terkawal. Kita hargai segala inisiatif pihak polis yang bertindak dan pantas menangkap individu yang disyaki. Tetapi statistik tangkapan yang terus meningkat jelas merisaukan kita semua. Dengan pendedahan tentang penglibatan kanak-kanak pula, tahap kerisauan kita semakin bertambah.

Hakikatnya perjuangan kumpulan ini yang memanipulasikan agama mengikut kehendak tafsiran sendiri agar mengalhalkan segala perbuatan dan kejahatan mereka jelas merumitkan keadaan. Kita khuatir rakyat kita akan mudah terpengaruh.

Panggilan jihad palsu seperti ini sememangnya boleh menggugat iman dan pemikiran rakyat kita yang cetek ilmu agama. Ini ditambah pula dengan kelecikan strategi anggota kumpulan ini dalam menggunakan pakai pelbagai medium, pen-

**KANAK-KANAK** perempuan ini memegang bendera *Syrian Kurdish Democratic Union Party (PYD)* semasa pengebumian Mohammed Ismael, yang mati dalam salah satu letupan bom yang dilakukan oleh militan IS dekat pekan Tal Tamr awal minggu ini, di Qamishli, bandar yang dihuni majoriti penduduk Kurdish di wilayah Hasakeh, Syria. - AFP



dekatan dan kaedah untuk menarik perhatian dan merekrut anggota baru termasuk menerusi media sosial.

Pendedahan demi pendedahan yang dibuat oleh pihak polis menunjukkan betapa kegiatan kumpulan militan ini semakin rancak dan sudah mula mengganggu-gugat ketenteraman dan kehidupan rakyat kita.

Justeru penularan pengaruh IS ini perlu dihentikan serta-merta. Segala faktor yang menyumbang kepada ruang dan peluang untuk pengaruh negatif ini menular dalam masyarakat kita perlu dikenal pasti dan ditangani dengan segera. Pihak berkuasa perlu menutup segala ruang dan peluang itu supaya rakyat kita tidak terus menjadi sasarannya.

Apa yang mustahak sekarang ialah mencegahnya dari akar umbi sebelum merebak menjadi virus yang sukar dikawal. Kita perlu bijak membaca taktik licik kumpulan ini yang kelihatan lebih fokus kepada usaha untuk menanam dan menyebarkan ideologi perjuangan mereka kepada golongan kanak-kanak dan belia.

Dalam hal ini, penulis percaya masyarakat boleh bertindak lebih

agresif dan proaktif berganding bahu dengan pihak berkuasa dalam usaha membanteras penyebaran ideologi kumpulan militan ini. Dalam hal ini, peranan institusi keluarga perlu diperkukuhkan lagi. Keluarga terutamanya ibu bapa adalah individu paling signifikan memainkan peranan ini kerana mereka paling rapat dengan anak-anak.

Pantau secara lebih serius gerak-geri, tindak-tanduk dan aktiviti anak-anak dalam media sosial. Jangan sudah terhantuk baru hendak tengadah. Jangan sampai terkejut apabila dimaklumkan anak kita terlibat dalam kumpulan militan ini, sedangkan kita tidak ambil tahu hal ehwal mereka sebelum ini. Perkara ini tidak sewajarnya berlaku.

Dalam pada itu agensi dan kumpulan masyarakat pula perlu memastikan agar semua penceramah mahupun pensyarah baik tempatan ataupun jemputan luar ditapis dan disaring secara terperinci. Hal ini kerana kita percaya kumpulan ini antara penyebar ideologi militan IS dalam masyarakat tanpa disedari oleh kita semua. Mereka mengaburi mata kita termasuk pihak berkuasa kerana mudah berselindung di sebalik gelaran mahupun kedudukan

mereka sebagai ustaz ataupun ilmuwan yang cerdas pandai.

Pihak berkuasa juga diharapkan dapat secara berterusan meningkatkan tahap pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan masyarakat. Elemen pendedahan dan pendidikan perlu terus dititikberatkan kerana masih ramai dalam kalangan anggota masyarakat kita yang tidak tahu mahupun kurang jelas dengan ancaman kumpulan ini. Penyelewengan agama yang dilakukan oleh kumpulan ini perlu terus dihebahkan agar kita boleh ambil iktibar yang sewajarnya. Semoga pendedahan demi pendedahan seperti ini akan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat kita.

Semua pihak perlu berganding bahu untuk mengekang dan membanteras pengaruh kumpulan militan seperti ini sekali gus memberihkan nama baik dan imej agama dan juga umat Islam di seluruh dunia. Tugas membersihkan nama baik Islam dan menangani kumpulan militan ini perlu dilihat sebagai tanggungjawab kita bersama.

**NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED** ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.